

Headline	Warga Britain nyaris maut, saluran LPG meletup		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Feb 2017	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	29	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,218
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,655



Warga Britain nyaris maut, saluran LPG meletup

KUALA LUMPUR 9 Feb. - Seorang lelaki warga Britain nyaris maut apabila saluran gas petroleum cecair (LPG) di rumahnya di Mont Kiara Palma, Bukit Kiara di sini hari ini tiba-tiba meletup diper-caya berpunca daripada alat pe-manas di bilik air.

Dalam kejadian kira-kira pukul 9 pagi itu, dinding rumah mangsa retak 70 peratus akibat kesan le-


tupan berkenaan.

Menurut Komander Operasi, Pegawai Kanan Bomba I, Ruhisha Haris, setiba di lokasi kejadian, pihaknya mengarahkan penghuni rumah keluar sebelum menutup injap saluran gas dan suis elektrik.

Katanya, operasi melibatkan lapan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Sri Hartamas dan Hang Tuah.

“Siasatan awal mendapati letupan berpunca daripada alat pe-manas dalam bilik air,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ruhisha memberitahu, insiden terbabit telah dilaporkan kepada Suruhanjaya Tenaga Malaysia dan tugas seterusnya diserahkan kepada pihak pengurusan bangu-nan berkenaan.



KEADAAN dinding sebuah rumah yang roboh disebabkan saluran gas petroleum cecair (LPG) meletup di Mont Kiara Palma, Bukit Kiara dekat Kuala Lumpur, semalam.